

LEMBARAN PENDEDAHAN PRODUK

Tarikh: XXXX

Pelanggan yang dihormati,

Lembaran Pendedahan Produk ini menyediakan maklumat penting tentang insurans berkaitan pelaburan anda.

Pelanggan-pelanggan lain telah membaca Lembaran Pendedahan Produk ini dan mendapati ia membantu; **anda juga harus membacanya.**

1 Apa itu SecureInvest?

SecureInvest ialah pelan tanpa penyertaan yang menawarkan gabungan insurans perlindungan dan pelaburan. Pelan ini menyediakan perlindungan sekiranya berlaku Kematian Biasa dan Kematian Akibat Kemalangan. Pelan ini juga menyediakan Manfaat Matang.

2 Ketahui Perlindungan/Manfaat-Manfaat Anda

Sebagai ilustrasi, bagi RM500,000.00* premium tunggal, anda akan menerima **perlindungan** seperti yang berikut:

*Premium yang ditunjukkan adalah terpakai untuk lelaki berumur 30 tahun pada hari jadi seterusnya yang tidak merokok, dengan Jumlah Asas Diinsuranskan sebanyak RM625,000 dan risiko piawai.

| Kematian Biasa | Tahun Polisi | Umur Hari Jadi Seterusnya pada Ulang Tahun Polisi pada masa Kematian | Jumlah |
|----------------------------|--------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|----------------------------------------------------------------------|--------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|
| | | 1 | Semua Peringkat Umur |
| | 2 dan ke atas | 49 tahun dan ke bawah | Nilai lebih tinggi antara yang berikut: <ul style="list-style-type: none"> RM625,000 + 125% Premium Tambah Nilai Pelaburan (jika ada) - 125% pengeluaran Nilai Akaun (jika ada); atau 100% Nilai Akaun |
| | | 50 tahun dan ke atas | Nilai lebih tinggi antara yang berikut: <ul style="list-style-type: none"> RM525,000 + 105% Premium Tambah Nilai Pelaburan (jika ada) - 105% pengeluaran Nilai Akaun (jika ada); atau 100% Nilai Akaun |
| Kematian Akibat Kemalangan | Nilai lebih tinggi antara yang berikut: <ul style="list-style-type: none"> RM750,000 + 150% Premium Tambah Nilai Pelaburan (jika ada) - 150% pengeluaran Nilai Akaun (jika ada); atau 100% Nilai Akaun | | |
| Manfaat Matang | Nilai Akaun ditolak sebarang hutang. | | |
| Perlindungan Tambahan | Tidak berkenaan. | | |

Insurans berkaitan pelaburan anda **tidak termasuk**:

- Kematian akibat bunuh diri atau kecederaan diri sendiri yang disengajakan, semasa dalam keadaan siaman atau tidak siaman dalam masa 13 bulan dari tarikh pengeluaran polisi atau tarikh penguatkuasaan semula, yang mana lebih kemudian;
- Kematian akibat pertarungan, melakukan, cubaan melakukan perbuatan menyalahi undang-undang atau mencetuskan serangan atau jenayah atau sebarang bentuk pelanggaran undang-undang; dan
- Kematian Akibat Kemalangan disebabkan oleh rusuhan atau kekacauan umum, mogok atau keganansan.

Nota: Senarai ini **tidak menyeluruh**. Anda harus rujuk kepada kontrak polisi bagi senarai pengecualian yang penuh.

PERLINDUNGAN PIDM UNTUK MANFAAT YANG DIBAYAR DARIPADA BAHAGIAN UNIT PRODUK INI ADALAH TERTAKLUK KEPADA SYARAT-SYARAT TERTENTU. Sila rujuk Brosur Sistem Perlindungan Manfaat Takaful dan Insurans PIDM atau hubungi MCIS Insurance Berhad atau PIDM (layari www.pidm.gov.my).

MCIS Insurance Berhad dilesenkan di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan 2013 dan dikawal selia oleh Bank Negara Malaysia.

Jika anda mempunyai sebarang soalan atau memerlukan bantuan mengenai insurans berkaitan pelaburan anda, anda boleh:



Hubungi
03-7652 3388



Layari
[SecureInvest](#)



Emel
customerservice@mcis.my

3 Ketahui Tanggungjawab Anda

| | |
|-------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|
| Bagi insurans berkaitan pelaburan anda, anda harus membayar premium sebanyak: | |
| Premium Tunggal | RM5,000.00 , bagi Jumlah Asas Diinsuranskan sebanyak RM6,250. |
| Tempoh Polisi: 5 tahun | Tempoh Pembayaran Premium: Tunggal |
| MCIS Insurance Berhad memperuntukan sebahagian daripada premium dibayar untuk pembelian unit-unit dalam dana(-dana) berkaitan pelaburan pilihan anda. | |
| Premium dibayar yang diperuntukkan untuk pembelian unit-unit | 95.00% daripada premium dibayar atau RM4,750. Sila rujuk Ilustrasi Produk untuk butiran lanjut. |
| Anda juga perlu membayar yuran-yuran dan caj-caj berikut: | |
| Komisen | 3.75% daripada premium dibayar atau RM188. Sila rujuk Ilustrasi Produk untuk butiran lanjut. |

4 Terma Penting Lain

- Anda mesti mendedahkan semua fakta penting dan menyatakan umur anda dengan betul. Jika tidak, anda mungkin mengalami risiko tuntutan anda ditolak atau polisi anda ditamatkan.
- Terma polisi dan Caj-caj Insurans mungkin berbeza bergantung pada keperluan pengunderaitan oleh MCIS Insurance Berhad.
- Caj-caj Insurans adalah dijamin manakala caj-caj lain yang dikenakan adalah tidak dijamin. MCIS Insurance Berhad berhak untuk mengubah caj-caj lain yang dikenakan dengan memberikan 3 bulan notis bertulis dahulu.
- Nilai Akaun bagi pelan insurans berkaitan pelaburan bergantung kepada prestasi dana(-dana) pilihan anda. Pulangan ke atas dana berkaitan pelaburan tidak dijamin.
- Bagi memaksimumkan Nilai Akaun anda, anda boleh menambah nilai Premium Tambah Nilai Pelaburan anda pada bila-bila masa.
- Anda boleh mendapatkan maklumat mengenai prosedur tuntutan dan borang-borang yang berkenaan dengan menghubungi MCIS Insurance Berhad.
- Anda dinasihatkan untuk menamakan seorang penama(-penama) bagi pelan ini dan memastikan penama(-penama) anda sedar akan pelan insurans yang telah anda beli.
- Jika anda bertukar polisi anda daripada satu syarikat insurans kepada yang lain atau bertukar daripada satu jenis pelan insurans kepada yang lain, anda mungkin dikenakan terma dan syarat baharu oleh pelan insurans baharu atau syarikat insurans baharu.

Nota: Senarai ini **tidak menyeluruh**. Anda harus rujuk kepada kontrak polisi bagi senarai terma dan syarat yang penuh.

? Bolehkah saya membatalkan polisi saya?

Ya, anda boleh membatalkan polisi anda dengan memberikan notis bertulis kepada MCIS Insurance Berhad.

- **Tempoh Bertenang:** Anda boleh membatalkan Polisi anda dalam tempoh 15 hari dari tarikh penerimaan Polisi. MCIS Insurance Berhad akan membayar balik kepada anda premium yang tidak diperuntukkan, Nilai Akaun dan sebarang Caj-caj Insurans dan yuran pentadbiran yang telah ditolak, tolak sebarang perbelanjaan perubatan yang ditanggung.
- **Selepas Tempoh Bertenang:** Jika anda membuat keputusan untuk tidak meneruskan Polisi anda selepas tempoh bertenang, anda boleh membatalkan dengan menghantar emel atau menulis kepada MCIS Insurance Berhad. Selepas menerima permintaan pembatalan, MCIS Insurance Berhad akan membayar Nilai Akaun ditolak sebarang hutang.